

**KEMELUT PEMIKIRAN TEOLOGI
ISLAM DALAM KANCAH
KEJATUHAN DUNIA MELAYU:
PENELITIAN TERHADAP
PEMIKIRAN KETAKDIRAN
ZA'BA(1895-1973)***

Nordi Achie

Pengenalan

Pada awal abad ke-20, iklim politik dunia telah diterobosi keserakahan imperialis Barat persis penguasa "Kaum Kafir" dan "Dajal Al-Maseh".¹ Seluruh dunia Islam khususnya,² bukan sekadar menjadi bangkai imperialisme,³ malah terlebih malang lagi, terus diperhambaabdi dalam percaturan politik imperialis Barat. Tragedi aib ini turut menular ke Nusantara.⁴ Dalam hal sedemikian, puterabumi Melayu semacam merelakan dirinya dinodai penjajahan dan azab kemiskinan "pada serba-serbinya" – meminjam ungkapan Za'ba. Abad ini juga merupakan episod kejatuhan Melayu⁵ dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan, pemikiran, kebudayaan dan kebahasaan.⁶ Namun anehnya, kesemuanya ini kononnya dipercayai telah tersurat di *Loh Mahfuz* – "nasib tersurat" yang tidak terbantahkan lagi! Bagi

intelektual Melayu yang kritis, dibangkitkan beberapa persoalan mendasar: mengapakah Tuhan yang dipersalahkan? Apakah benar Tuhan yang mentakdirkan mereka diperhambakan oleh penjajah serta menderitai kemiskinan duniawi? Justeru, dimanakah pula peranan agamawan Melayu yang terus membisu lantaran tidak mengkritik kepercayaan terhadap "iktikad nasib"? Berlatarbelakangkan suasana masyarakat dan zaman sedemikian, muncullah mujahid dan mujadid Melayu bernama Za'ba, yang terpacu untuk memperbetulkan ketersilapan masyarakat Melayu dalam memahami iktikad takdir. Oleh itu, Za'ba bukan sekadar terkenal sebagai patriot dan pendeta Melayu, malah tokoh intelektual ini juga layak diganjar sebagai "pendeta takdir" kerana sumbangan pemikirannya dalam aspek ketakdiran seperti yang akan disentuh selanjutnya.

Za'ba (1895-1973): Terbilang Tapi Terbuang?

Za'ba (nama pena bagi Zainal Abidin Ahmad) merupakan zuriat kebanggaan Melayu yang berjiwa kental dalam membela nasib bangsanya – pengkritik dan provokator yang tegas lagi berani, tanpa menghiraukan kedudukan dirinya dan golongan yang dikritiknya (kerajaan kolonial British, raja-raja dan pembesar feodal Melayu, ulama Kaum Tua⁸ dan orang Melayu). Adakalanya, kritikan Za'ba menjadi "kasar" dan sangat sinis sekaligus dianggap berbahaya. Akibatnya, Za'ba pernah dituduh menghasut pembaca supaya membenci kerajaan lalu mendapat tekanan daripada A. Kier.⁹ Raja Sir Chulan¹⁰ pula bertindak lebih "penjajah daripada penjajah" dengan mengarahkan Za'ba memberhentikan kegiatan penulisannya. Bahan-bahan bacaan dan tulisan-tulisan Za'ba turut diperiksa dan digeledah. Malah, kenaikan gaji tahunannya disekat sejak 1919, selama hampir lima tahun. Lebih memedihkan lagi, Za'ba tidak disahkan dalam jawatannya walaupun telah memiliki kelulusan ikhtisas perguruan sejak 1921. Inilah Za'ba - bukannya belalang yang berlagak di padang yang tiada berhelang (meminjam perumpaan Melayu) dan bukan pula intelektual palsu yang bertopengkan songkokisme Melayu.

Za'ba dilahirkan pada 16 September 1895, di Kampung Bukit Kerdas, Jempol, Negeri Sembilan. Keluarganya (sebelah bapa) berketurunan Bugis yang terkemuka dari Kepulauan Riau dan berkedudukan tinggi dalam masyarakat Bugis di Linggi sebagai pemimpin, panglima dan ulama. Za'ba menerima pendidikan formal terawalanya di Sekolah Melayu (Batu Kikir), ketika berusia 12 tahun. Pada 1909, Za'ba dipindahkan oleh bapanya (Ahmad Ibrahim) ke Sekolah Linggi, sejajar dengan hasrat beliau untuk "mengulama'kan"

Za'ba. Di sekolah itu, Za'ba mempelajari pelbagai cabang ilmu keagamaan seperti bahasa Arab, mantik, fekah dan usuluddin. Seterusnya, Za'ba pernah merangkul tempat pertama daripada keseluruhan 265 calon yang menduduki Scholarship Examination 1909, di seluruh Negeri Sembilan untuk mendapatkan tempat di sekolah Inggeris. Za'ba, dengan sokongan moral dan material daripada Muhammad Datuk Muda Linggi, telah memilih untuk melanjutkan pelajaran di St. Paul's Institution, Seremban. Beliau telah menghabiskan enam tahun di sekolah tajaan mubaligh Kristian itu untuk menerusi kelas ekspres dan juga mengekalkan prestasi akademik cemerlang sebagai pelajar terbaik dalam kelasnya.¹¹ Pada 1915, Za'ba menamatkan persekolahan Inggeris dengan memperoleh Senior Cambridge - pencapaian yang tinggi dalam konteks zamannya.¹²

Za'ba memutuskan untuk berkhidmat sebagai guru di Johor. Kerjaya ini berkait rapat dengan hasrat dan minatnya untuk menjadi pengarang. Za'ba mula aktif menulis rencana yang memperkatakan pelbagai isu dan persoalan semasa pada Ogos 1916 terutamanya dalam *Utusan Melayu*¹³ dan *Lembaga Melayu*.¹⁴ Tulisan-tulisan Za'ba menzahirkan pengaruh gagasan, pemikiran dan perjuangan golongan reformis Islam Kaum Muda yang dipelopori menerusi majalah *Al-Imam* (1906-1908).¹⁵ Ketika berkhidmat di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Za'ba menghasilkan beberapa buah buku tentang bahasa seperti *Ilmu Bahasa Melayu I* dan *Ilmu Bahasa Melayu II* (1926 dan 1927), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934). Himpunan ratusan rencananya turut dibaiki, dan diterbitkan dalam *Umbi Kemajuan* (1932) dan *Pendapatan Perbahasan pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan* (1934). Za'ba terus menyumbangkan tulisannya dalam *Majalah Guru*,¹⁶ *Al-Ikhwān*,¹⁷ *Semangat Islam*,¹⁸ *Bulan Melayu*,¹⁹ *Saudara*,²⁰ dan *The Malay Mail*.²¹ Pengalamannya (akibat dipaksa oleh British dan Jepun) sebagai propagandis politik dua imperialis dalam tempoh 1939 hingga 1945, mendorong Za'ba terlibat aktif dalam babak bersejarah penentangan penjajahan Malayan Union (1946-1948).²² Sebagai Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor, Za'ba turut bekerja keras mengadakan kongres Melayu anti Malayan Union. Za'ba ialah Pengerusi Jawatankuasa Penaja dan Sambutan Kongres, merangkap Ketua Perwakilan Persatuan Melayu Selangor dan Dato Onn Jaafar²³ menjadi Pengerusi Kongres. Za'ba juga terlibat mendraf perlembagaan UMNO. Oleh itu, Za'ba juga merupakan antara pelopor-pengasas UMNO. Namun, mengapakah Za'ba menyepikan diri daripada gelanggang politik selepas terasasnya UMNO atau apakah Za'ba telah disisihkan oleh tokoh-tokoh tertentu?

Za'ba pernah berkhidmat sebagai pensyarah Bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies, University of London (1947-1950). Dua tahun selepas itu, Za'ba berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya, Singapura, sekaligus mengetuai Jabatan Pengajian Melayu. Za'ba terus menyumbangkan rencana kepada *Qalam*,²⁴ *Mastika*,²⁵ *Juita*,²⁶ *The Malayan Undergrad* (1955), *Majalah Belia* (1955), *Majalah Kebudayaan* (1955), *Majalah Guru*, *Majalah Bahasa* (1957), *Warta* (1954) dan *Utusan Melayu* (1954)²⁷ di samping menyampaikan ceramah, syarahan dan forum.

Za'ba menamatkan kontraknya di Universiti Malaya pada 1958. Ketika itu kesihatannya semakin terjejas kerana menghidap penyakit jantung. Walau bagaimanapun beliau masih aktif dalam kegiatan penulisan kira-kira enam tahun selepas bersara di Universiti Malaya dan telah diamanahkan sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai mengiktiraf bakti Za'ba, pihak Universiti Malaya telah menganugerahkan beliau Ijazah Kehormat Doktor Persuratan. Genap tiga bulan sebelum pemergiannya, Universiti Kebangsaan Malaysia pula menganugerahkannya Ijazah Kehormat Doktor Persuratan pada 23 Jun 1973; tetapi beliau sendiri tidak berupaya menghadiri majlis itu lantaran keuzurannya. Pada 23 Oktober 1973, Za'ba dijemput pulang ke pangkuan Tuhan ketika berusia 78 tahun.

Latar Belakang *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir dalam Agama Islam (Sukatan Azali)* (1932)

Buku ini diterbitkan pada 1932 oleh Jelutong Press, Pulau Pinang. Seterusnya, hasil usaha Hamdan Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan semula *Umbi Kemajuan* (edisi rumi) dengan lebih tersusun pada 1980. Tajuk asalnya yang agak panjang itu telah diubah kepada *Falsafah Takdir* sahaja. *Falsafah Takdir* mengandungi tujuh bab: Bab Pertama (Iktikad Nasib Dengan Iktikad Takdir), Bab Kedua (Erti Iktikad Takdir Yang Sebenar), Bab Ketiga (Tujuan Dijadikan Manusia), Bab Keempat (Petunjuk Tuhan Kepada Manusia), Bab Kelima (Nikmat Bala Dan Kemalangan), Bab Keenam (Kebebasan Ikhtiar Manusia) dan Bab Ketujuh (Salah Tafsir Mengenai Kudrat Iradat Allah). Lima bab²⁸ yang awal pernah disiarkan secara bersiri dalam majalah *Al-Ikhwān* (Pulau Pinang), dan dua bab susulan merupakan tulisan tambahan.²⁹

Kenapakah Za'ba memutuskan untuk membukukan kesemua rencana tersebut dengan beberapa perubahan dan pindaan yang wajar? Jawapan Za'ba jelas lantaran terdapatnya "saudara-saudara muslimin yang terkeliru" atau "tiada berapa terang fahamannya dalam

masalah ini" - iktikad takdir. Za'ba menegaskan kekeliruan dan kedangkalan kefahaman terhadap iktikad takdir merupakan "masalah yang maha besar" dalam hubungannya dengan "ketiduran, kedaifan dan kemunduran"³⁰ orang Melayu khususnya dan umat Islam umumnya.³¹ Tidak syak lagi, kepentingan inti pati dan mesej pemurnian ajaran Islam yang terpatri dalam *Falsafah Takdir*, begitu bermakna bagi Za'ba seperti yang dinyatakan di atas. Menerusi *Falsafah Takdir*, Za'ba mengkritik penganutan "fahaman takdir yang tidak membawa kemajuan", dengan berjihad "mengikis sikap menyerah kepada takdir". Pemis Za'ba tegas, "manusialah yang menentukan nasibnya sendiri".³²

Keberadaan dan kepentingan pemikirannya (meskipun tidak dapat diukur kadarnya kerana pemikiran bersifat abstrak) wajar dihargai kerana "bidang pemikiran Islamnya [Za'ba] adalah merupakan salah satu sumbangan beliau yang amat penting dalam hubungan keislaman orang Melayu di Malaysia".³³ Tambahan pula, "tidak ramai orang Melayu yang mengetahui tentang pemikirannya berhubung dengan kepercayaan pada takdir". Justeru, *Falsafah Takdir* mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk difahami dengan lebih dekat menerusi "karangan beliau yang amat berharga".³⁴

Iktikad Nasib dan Nasib Melayu: Beberapa Cungkilan Akar Penyelewengan

Falsafah Takdir merakamkan reaksi, persepsi dan interpretasi Za'ba dalam usahanya menelusuri jalan keluar terhadap permasalahan tersebut – silap faham mengenai "iktikad takdir". Takdir merupakan antara ajaran penting dalam iktikad Islam. Dalam konteks kehidupan beragama masyarakat Melayu, Za'ba menyedari umumnya mereka telah berlaku "kesamaran dan salah faham" terhadap iktikad takdir. Menurut Za'ba, bagi kebanyakan orang Melayu, takdir telah disamakan dengan "iktikad nasib" atau "janji azali". Dalam pepatah Melayu misalnya, pengertian iktikad takdir telah dimengertikan secara negatif: "rezeki secupak tak akan jadi segantang". Sehubungan itu, Za'ba dapat mengesani adanya urat nadi kejahilan yang mempengaruhi kehidupan beragama orang Melayu. Terlebih malang lagi, ini termasuklah golongan ulama yang turut dicandui oleh "iktikad nasib". Petikan berikut dengan sendirinya memancarkan pengaruh "iktikad nasib" dalam kerangka pemikiran keagamaan dan kehidupan duniawi Melayu dewasa itu:

"Jangan banyak memikir
Takdir tidak dapat dimungkir
Nasib nak miskin tentulah fakir
Bolehkah takdir menyalahi takdir?

Rezeki secukup sudah terbentang
Ke mana dikejar tak dapat segantang!
Nasib berhutang mesti berhutang
Janji nak malang, malanglah datang!

Ada pertemuan tentu berkahwin!
Pertemuan habis talaklah bain!
Sampai ajal tiadalah lain
Mati tak sempat bersalin kain!"³⁵

Jelas, petikan di atas begitu padat dan tajam maksudnya untuk memaparkan kesan tanda pentaklidan³⁶ secara membuta tuli terhadap doktrin palsu – "iktikad nasib". Dogma pesimis itulah yang telah membelenggui kehidupan mereka dalam lembah kemiskinan dan kemunduran dewasa itu. Lantaran itulah, dengan azamnya yang mantap, Za'ba gigih berjihad³⁷ dan berjijihad³⁸ untuk menentang "iktikad nasib".

Pendirian Za'ba jelas, tidak timbul soal "nasib tersurat" – iktikad nasib, yang kononnya telah ditetapkan sejak azali lagi seperti yang difahami oleh kebanyakan orang Melayu; baik atau buruk bukannya urusan "nasib" tetapi "ujian" daripada Allah yang mempunyai hikmah dan rahmatnya yang tersendiri lagi tersembunyi. Dalam menghadapi kedua-dua bentuk ujian itu, manusia mestilah berikhtiar mengharunginya dengan sifat-sifat terpuji; bukannya berserah dan bertaklid buta dengan "suratan takdir" semata-mata. Berhunjamkan kesedaran progresif inilah, Za'ba menegaskan "manusia ini ialah penghulu bagi nasibnya sendiri" – dia berhak dan berupaya menentukan keadaan diri dan masa depannya sendiri.³⁹

Za'ba nekad menyedarkan mereka daripada ketersilapan dalam memahami iktikad takdir dengan menyanggah kepalsuan iktikad. Penulis ini juga menggesa seluruh lapisan masyarakat Melayu supaya "kita fahamkan dengan sejelas-jelasnya ... apakah ertinya yang sebenar ajaran takdir" dengan merujuk kepada al-Quran⁴⁰ al-hakim, dengan "tiada berganjak daripadanya barang sedikit pun" tegas Za'ba lagi.⁴¹ Permasalahan pokok yang Za'ba kritik ialah "iktikad nasib". Apakah "fahaman yang umum" tentang takdir yang telah disalahertikan oleh orang Melayu? Za'ba berkata:

"[D]iyakini [kononnya] sesuatu perkara yang kita lakukan, baik benar atau salah dan sesuatu perkara yang berlaku di atas seseorang ... semuanya itu telah ditetapkan dari sedia kala (azali) [oleh Allah] dengan tiada boleh diubah dan ditukar lagi ... Walau bagaimanapun dijalankan usaha dan ikhtiar hendak melawan atau menyahkan ketetapan itu ["takdir" menurut fahaman umum tadi], sama sekali tidak akan dapat [berjaya] ... [I]ni bermakna nasib seseorang itu telah termeteri mati di atas dahinya dengan betul dan tepat, seperti yang akan [dan telah] terjadi."⁴²

Pada prinsipnya, iktikad takdir yang sebenarnya, menganjurkan "manusia sendiri dikehendaki membuat nasibnya itu dengan amal [bekerja] dan usaha ikhtiarnya sendiri" kerana "manusia ini bukanlah diperanakkan dengan "nasib" yang telah ditetapkan.⁴³ Malah, Za'ba menyelar golongan yang "berpegang kepada nasib"⁴⁴ yang "sangatlah malang" kerana terkeluar daripada ajaran "iktikad takdir".⁴⁵

Za'ba juga mendedahkan beberapa punca kekeliruan bersabit iktikad takdir yang berhubung kait dengan pengaruh mazhab Jabariah.⁴⁶ Mereka menganggap bala dan kemalangan yang tertimpa ke atas manusia sebagai alasan untuk menyokong "iktikad nasib" yang kononnya segala-galanya telah "ditentukan dari Azali", lantas "tiada dapat dimungkiri lagi?" Mereka juga menganggap (misalnya) semua kejadian "tergantung kepada ketetapan nasib" yang "sudah tersedia dari dahulu dengan tiada boleh berubah lagi". Dengan sinisnya, Za'ba menampelak, "Kalau sudah janjinya akan mati ditangkap harimau, walau ke mana bersembunyi sekalipun [atau berusaha mempertahankan diri] akan [tetap] mati ditangkap harimau juga".⁴⁷ Ini merupakan contoh nyata pengaruh "iktikad nasib" yang dipertaklidkan orang Melayu sezaman; akal dan daya usaha manusia dengan sendirinya "dimatikan" akibat penganutan "iktikad nasib". Malah, mungkin juga masih membelenggui pemikiran duniawi zuriat Melayu pasca merdeka ini. Oleh itu, Za'ba mengecam sebilangan orang Melayu yang berkata: "Kalau sudah ditakdirkan miskin, akan tetap miskin juga, tidak dapat diubah-ubahkan lagi".⁴⁸

Natijah negatifnya nyata: pemikiran golongan yang berpegang kepada "iktikad nasib" berbeza dengan "iktikad takdir". Bagi golongan pertama, kesusahan menjerumuskan mereka "berputus asa dan keluh kesah dalam hatinya" dan "tiada harapan mendapat kebaikan melainkan "kalau" ada nasibnya yang baik sahaja". Apabila ditimpa bala dan kemalangan, mereka "mengeluh dan menyalahkan nasib" serta mengatakan, "nasib tak baik! Nasib celaka!" seraya "menyumpah akan bintang kelahirannya yang sial dan malang itu".

Pemikiran sedemikian, ujar Za'ba lagi, "salah diri juga, bukan salah Tuhan" kerana "al-Quran tidak mengajarkan iktikad nasib".⁴⁹

Za'ba sedar malah sesal lantaran penganutan "iktikad nasib" yang menyerupai ajaran mazhab Jabariah, ternyata telah menerjahkan kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat Melayu umumnya:

- Pertama, kesilapan tersebut "membunuh pada akar umbi segala peraturan dan sifat-sifat yang baik" – rajin, gigih, tekun dan sabar untuk memajukan diri. Dari segi ini, terkuncilah kecenderungan manusia untuk melakukan amal kebajikan demi manfaat diri, keluarga dan masyarakatnya.
- Kedua, "menghapuskan kewajipan manusia menanggung akibat perbuatannya sendiri" kerana kesemuanya (baik dan buruk) kononnya telah ditakdirkan oleh Allah.
- Ketiga, "menghilangkan kebebasan berikhtiar pada manusia" akibat terikat mati dengan ketentuan takdir yang tidak dapat diubahkan lagi.⁵⁰

Seterusnya, Za'ba menegaskan:

"Iktikad yang demikian itu [mazhab Jabariah] cenderung ke arah menawarkan segala hemah dan cita-cita yang bekehendakan kemajuan ... apalah gunanya bersusah payah berusaha berikhtiar [jika kesemuanya telah ditakdirkan]? Nyatalah iktikad ini membunuh segala usaha dan tenaga pada perlumbaan hidup, pada hal usaha dan kuat bekerja itulah yang menghasilkan segala rupa kemajuan dan masa hadapan ... jatuhlah martabat manusia ini [sebagai sebaik-baik ciptaan] menjadi seperti enjin dan perkakas [robot] ... [kerana] terpaksa mengikut sahaja apa yang telah ditetapkan."⁵¹

Sebagai pemikir Melayu, Za'ba mencurahkan tenaga dan pemikirannya untuk memikirkan secara serius dan tekal (di sepanjang kegiatan penulisannya) keadaan "nasib malang" orang Melayu yang dibelenggu kemunduran dan kemiskinan. Terlebih penting lagi, bagaimana Za'ba dapat membantu masyarakat Melayu agar mereka mampu membebaskan diri daripada "bala" tersebut (kemunduran dan kemiskinan) akibat pengaruh "iktikad nasib". Bertunjang dengan ilmu pengetahuan tentang aspek yang diperkatakannya – iktikad takdir, di samping bakat kepengarangannya dan perasan tanggungjawabnya sebagai seorang Melayu yang mengimani iktikad takdir hakiki, Za'ba muncul sebagai mujadid Melayu yang gigih dan tabah dalam usahanya menyanggah "iktikad nasib".

Iktikad Tadir: Penjelasan al-Quran dan Pentafsiran Za'ba

"[J]angan tersalah faham apabila kita mengatakan "manusia bebas" atau "manusia ada kebebasan ikhtiar", itu bukanlah bererti manusia itu berkuasa dan ada kudrat sepenuhnya untuk melakukan sekehendak hati seperti Tuhan, dan bukanlah pula menafikan kudrat dan iradat Tuhan dalam segala pekerjaan dan urusan manusia ... Manusia ada diberikan oleh Allah ikhtiar dan usaha yang merdeka, dan apa yang terjadi pada manusia ialah mengikut sebagaimana ia menggunakan usaha dan ikhtiarnya itu ... Segala pekerjaan dan hal ehwal manusia sentiasalah tertakluk dan bergantung kepada kudrat iradat Allah Taala mengikut peraturan takdir (undang-undang tabie, undang-undang balasan, undang-undang petunjuk dan penyesat, takdir azali serta suratan takdir) yang telah ditetapkan itu."⁵²

Inti pati petikan di atas dengan jelas memancarkan tafsiran Za'ba terhadap iktikad takdir yang sebenarnya menurut al-Quran. Tafsirannya itu juga, jika direnung sejenak, merupakan asas terpenting yang menunjangi kerangka dasar pemikiran teologi Islam Za'ba. Dalam pentafsirannya mengenai iktikad takdir, Za'ba menegaskan pentingnya memahami ajaran tersebut dari perspektif ajaran al-Quran kerana al-Quran merupakan sumber "asas yang asal" dalam Islam, di samping hadis⁵³ sahih. Bagaimanapun, mana-mana hadis yang bercanggah dengan al-Quran, "nescaya ia tertolak [dengan] sendirinya walaupun ia dianggap sahih oleh sesetengah pendita-pendita ahli Hadis".⁵⁴

Untuk memperkukuh penjelasannya, Za'ba mengemukakan nas-nas al-Quran dan "tiada berganjak daripadanya barang sedikit pun".⁵⁵ Za'ba tidak menyandarkannya dengan hadis (perhatian: ini tidak bermakna Za'ba anti-hadis) kerana nas-nas al-Quran itu sendiri begitu kukuh kepentingannya untuk menjelaskan ajaran iktikad takdir. Pada masa yang sama, Za'ba menggesa seluruh lapisan masyarakat Melayu supaya "mengikut mana [tafsiran dan hujahan] yang terlebih baiknya" lantaran golongan inilah yang "ditunjukkan Allah" jalan kebenaran dan "mereka itulah orangnya yang mempunyai fikiran sempurna" seperti yang difirmankan oleh Allah dalam ayat 18, Surah az-Zumar.⁵⁶

Za'ba berpendapat punca permasalahan tersebut (kekeliruan dan penyelewengan ajaran iktikad takdir) berpunca akibat daripada kegagalan membezakan antara: (1) iktikad takdir Allah terhadap "segala bentuk kejadian alam" dengan (2) iktikad takdir Allah terhadap "manusia". Perlu ditegaskan bahawa kedua-duanya berbeza jika dilihat berdasarkan ajaran al-Quran. Dalam hubungan ini, manusia diberikan kebebasan berikhtiar dan memilih (tetapi bukannya mutlak)

untuk menentukan kehidupan dan masa depannya. Akan tetapi, segala makhluk selain manusia di dunia ini - gunung, tanah, air, binatang dan tumbuhan - tidak mempunyai kelebihan seperti ini. Hal ini sejajar dengan hakikat manusia sebagai sebagai sebaik-baik ciptaan Allah dan peranan mereka sebagai khalifah di muka bumi. Begitu juga sistem cakrawala - ratusan bintang, planet-planet, bulan, matahari, awan, angin dan langit; setiap pergerakan dan peredarannya telah ditakdirkan oleh Allah demi menjamin kelangsungan alam maya. Za'ba berpendapat tanpa sistem yang telah ditakdirkan oleh Allah atau sekiranya alam cakrawala bergerak tidak mengikut sistem tersebut, "nescaya jentera yang maha besar ini tentulah akan roboh dan hancur dengan seketika sahaja".⁵⁷

Sistem pergerakan dan peredaran cakrawala tersebut dinamakan oleh Za'ba sebagai "roda penimbang" yang telah ditetapkan oleh Allah untuk "menyamakan [tempo] putaran pada segala gerak "pesawat jentera"⁵⁸ alam yang maha besar ini". Gugusan peraturan yang menentukan perjalanan alam semesta ini dinamakan sebagai (1)"undang-undang tabii" yang menjadi asas dalam kerangka dasar iktikad takdir, di samping adanya (2)"undang-undang balasan" serta (3)"undang-undang petunjuk dan penyesat". Seluruh dimensi kehidupan manusia khususnya, menurut Za'ba, terarah mengikut ketiga-tiga garis ketakdiran yang telah ditentukan oleh Allah seperti yang dinyatakan di atas. Hal ini kerana kesemuaya itu (undang-undang tabii, undang-undang balasan serta undang-undang petunjuk dan penyesat) telah ditetapkan oleh Allah dengan jelas dalam al-Quran.⁵⁹

Za'ba turut mengesani terdapatnya perbezaan asas antara takdir terhadap manusia dengan takdir terhadap makhluk bukan manusia. Contohnya, makhluk bukan manusia tidak diberikan kebebasan berikhtiar dan memilih untuk bergerak dan beredar mengikut kemahuan masing-masing (melainkan manusia sahaja yang diberikan keistimewaan tersebut). Za'ba benar-benar memahami bahawa konsep *qada'* dan *qadar*⁶⁰ terhadap makhluk bukan manusia berbeza sama sekali dengan manusia seperti yang akan dibincangkan seterusnya. Bagaimanapun, konsep *qada'* dan *qadar* terhadap makhluk bukan manusia itulah yang telah menular dalam pemikiran masyarakat Melayu dewasa itu. Lantas, ini mengakibatkan mereka menjadi kaku dan layu akibat "berserah buta semata-mata [dengan iktikad nasib]".⁶¹ Fahaman yang samar dan serong inilah yang Za'ba cuba banteras menerusi *Falsafah Takdir* sekadar yang termampu olehnya.

Seterusnya, apakah pengertian takdir hakiki menurut al-Quran? Za'ba menjelaskan:

- Pertama, takdir bererti "semua benda yang dijadikan Tuhan itu semuanya ada mempunyai tujuan dan maksudnya sendiri".

Justeru, "tujuan dan maksudnya" tersendiri itulah yang telah ditakdirkan oleh Tuhan. Tujuan dan maksud itu "tetap" sifatnya (tidak berubah-ubah) yang merupakan "suratan di luh mahfuz". Misalnya, manusia diciptakan oleh Allah dengan "tujuan dan maksud" tertentu dan ditetapkan pula "peraturan tertentu" untuk memastikan "tujuan dan maksud" itu dapat dicapai.⁶²

- Kedua, takdir merujuk pada "kaedah peraturan alam yang maha besar".

Contohnya, peredaran dan putaran planet dalam sistem galaksi bimasakti telah ditentukan oleh Allah menurut orbit masing-masing. Za'ba telah mengungkapkannya sebagai "undang-undang tabii", yang "tiada dapat diingkari lagi" supaya perjalanan alam ini teratur.⁶³

- Ketiga, "suatu kerja dan tujuan yang dikhaskan [fungsi dan peranan] bagi tiap-tiap benda" untuk "menghasilkan sesuatu faedah".

Misalnya, mata diciptakan oleh Allah dengan fungsinya untuk melihat. Fungsi ini kekal untuk kegunaan melihat. Bagaimanapun, fungsi mata juga terikat dengan "sukatannya yang tertentu [batasan] sejak azali lagi". Contohnya, mata kasar tidak mampu menembusi alam ghaib seperti roh, malaikat, syaitan dan sebagainya (kecuali dengan izin-Nya). Kesemua pengertian di atas disandarkan oleh Za'ba berdasarkan ayat 2, Surah al-Furqan, di samping ayat 18 dan 82, Surah Ali Imran serta ayat 38-40, Surah Yaasin.⁶⁴

Pengertian takdir dalam aspek pertama tadi diberikan penjelasan lanjut oleh Za'ba. Sehubungan itu, Za'ba menjelaskan pula "tujuan" penciptaan manusia supaya iktikad takdir dapat difahami dengan lebih mangkus menurut perspektif al-Quran, dan seterusnya untuk membezakan iktikad takdir manusia dengan makhluk bukan manusia.

- Pertama, sebagai khalifah di muka bumi. Manusia diberikan kelayakan sebagai "penghulu kepada segala makhluk", di samping "memerintah dan menguasai"nya dengan had (peraturan, ketentuan dan pembatasan) yang tertentu pula – bukan sewenang-wenangnya. Untuk menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai manusia-khalifah, mereka dimestikan mengikut "undang-undang yang betul" yang telah ditetapkan oleh Allah menerusi al-Quran dan sunnah Rasul-Nya.⁶⁵
- Kedua, manusia diciptakan supaya berlaku adil dan saksama sesama manusia. Dalam konteks ini, Islam tidak membeza-

bezakan manusia berdasarkan "apa pangkat, keturunan, bangsa, warna kuli dan apa negeri pun", melainkan "sama rata sahaja". Aspek yang akan membeza-bezakan mereka ialah dari segi ketakwaan kepada Allah. Za'ba menegaskan Islam menganjurkan "satu persaudaraan sahaja yang umum bagi kesemua manusia". Inilah sebahagian daripada "jalan" yang telah ditetapkan oleh Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dipatuhi.⁶⁶

- Ketiga, manusia diciptakan untuk "beribadat" - memperhambakan diri - kepada Allah. Ibadat yang dimaksudkan ialah "jalan bagi membersihkan diri manusia" dengan cara "menyerahkan diri dan taat sepenuhnya akan kehendak dan perintah Tuhan pada semua hal", bukannya khas pada solat, puasa dan wirid sahaja.⁶⁷

Za'ba menyatakan inilah tiga tujuan asas penciptaan manusia yang sekali gus merupakan "takdir yang telah di[per]untukkan bagi manusia dalam dunia ini". Terpintal bersamanya, hakikat bahawa Allah telah menetapkan "sukatan" tertentu - peraturan rabbani dan sunnah nabi - yang mesti dipatuhi oleh manusia untuk mencapai ketiga-tiga tujuan asas penciptaannya tadi. Oleh itu, "takdir" bagi manusia, menurut Za'ba, ialah tiga "tujuan tersebut tadi juga". Sama ada manusia mematuhi atau menolak tujuan-tujuan tersebut atau sebaliknya, itu terserah kepada ikhtiar dan pilihan manusia sendiri (sebab itulah ada manusia yang beriman dan kafir). Natijah terpentingnya, Allah tidak boleh dipersalahkan.⁶⁸

Demikianlah Za'ba memahamkan dan menjelaskan iktikad takdir (dalam kategori pertama). Za'ba menegaskan manusia tidak akan dapat mencapai tiga tujuan asas penciptaan tersebut sekiranya "manusia ini [menjadi] seperti patung" sahaja. Ikhtiar itulah yang membezakan manusia dengan makhluk bukan manusia - kecuali iblis dan konco-konconya (yang diizinkan oleh Allah) berikhtiar menyesatkan manusia. Dengan ini, jelas bahawa bukanlah segala-galanya merupakan "ketentuan "nasib" dari azali" semata-mata seperti yang difahami oleh kebanyakan orang Melayu.⁶⁹

Seterusnya, Za'ba berpendirian al-Quran benar-benar mampu berperanan sebagai pedoman dan panduan kepada manusia terutamanya ketika "menyempurnakan tanggungan-tanggungan" dan "menghasilkan tujuan kejadian [penciptaan] manusia". Kemampuan ini diperkukuh oleh beberapa "kelebihan" yang manusia miliki (berbanding makhluk lain) seperti yang "telah ditakdirkan oleh Allah". Asas persoalan ini disandarkan oleh Za'ba berdasarkan ayat 1-3, Surah al-A'la: "Besarkan olehmu nama Tuhanmu yang maha

tinggi. Ia yang menjadikan, kemudian dicukupkannya (segala nikmat kepada manusia-khalifah), dan Ia yang telah menjadikan benda-benda mengikut suatu sukatan yang tetap, kemudian ditunjukkannya jalan [al-Quran]".⁷⁰

Za'ba juga optimis terhadap persoalan tersebut dengan syarat:

- Pertama, "manusia mengikutinya [al-Quran] dengan setia" sebagai "undang-undang dan peraturan" di samping "menjalankan kudrat kejadian dirinya dengan betul".⁷¹

Apakah yang dimaksudkan dengan "kudrat kejadian" manusia? Za'ba menjelaskan: kudrat kejadian manusia terbahagi kepada dua dimensi. Pertama, "kudrat yang boleh diperintahkan" iaitu manusia dapat menggunakannya "dengan sekehendak hatinya" sama ada untuk tujuan baik atau buruk. Kedua, "kudrat yang tiada boleh diperintahkan" oleh manusia lantas "mesti mengikut" sahaja "walaupun suka atau tidak". Contoh kudrat yang pertama ialah lidah; manusia dapat menggunakannya untuk tujuan baik atau jahat – mengikut kehendaknya sendiri; tetapi denyut jantung dan operasi perut misalnya, tidak dapat dikawal oleh manusia mengikut kehendaknya sendiri – jenis kudrat kedua.⁷²

Kudrat jenis kedua telah ditetapkan oleh Allah juga. Organ-organ tersebut "bekerja sendiri dengan setianya" mengikut "undang-undang tabii" yang telah ditetapkan oleh Allah supaya "tiap-tiap bahagian itu" – seperti perjalanan darah dan oksigen dalam badan – dapat "menyempurnakan kerja dan tujuan [fungsi] tanggungan masing-masing". Oleh itu, kefungsi organ-organ tadi, sementelah telah ditetapkan oleh Allah sejak azali lagi, "tiada termasuk dalam lingkungan ikhtiar" manusia atau organ itu sendiri kerana berjalan bukan "dalam perintah hatinya dengan sengaja".⁷³

Hal ini berbeza dengan kudrat pertama iaitu manusia sendiri yang memerintahkan kudratnya "menurut sekehendak hatinya". Justeru, manusialah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak, atas perbuatan baik dan buruknya kerana "manusia itu bebas berikhtiar memerintah dan memilih sekehendak dan sesuka hatinya". Oleh sebab itu, "sangatlah wajib bagi manusia ... beroleh panduan". Dalam hubungan ini, Allah telah mengurniakan kepada manusia "dua senjata" iaitu "akal dan wahyu"⁷⁴ sebagai "pimpinan dan pedoman kepada segala kelakuannya dan perbuatannya". Sungguhpun demikian, dalam konteks kudrat jenis pertama, terdapat juga kekecualian (pembatasan khas): sekiranya ia dipaksa membunuh

seseorang, ia tidak akan dihukum bunuh kerana ia membunuh bukan atas kerelaan hatinya; begitu juga dalam kes "tiada sengaja".⁷⁵

Bagi Za'ba, sekiranya benar manusia tidak mempunyai kudrat dan iradat dalam menjalani kehidupan duniawinya - lantaran kesemua kejadian yang berlaku ke atas mereka dikatakan kononnya telah ditakdirkan oleh Allah sejak azali lagi seperti yang didoktrinkan dalam mazhab Jabariah - justeru apakah perlunya manusia dikurniakan akal budi dan kudrat kemanusiaannya? Apakah pula perlunya diturunkan wahyu kepada manusia? Bahkan, jika tafsiran mazhab Jabariah menepati ajaran al-Quran, apakah perlunya manusia dipertanggungjawabkan terhadap perbuatan (baik dan buruk) yang mereka lakukan semasa hidup di dunia? Oleh itu, wahyu dan akal seharusnya digunakan "bagi merentangkan jalan yang betul untuk dirinya".⁷⁶

Pada masa yang sama, Za'ba mengakui adanya "takdir azali". Apabila Allah melaksanakan kudrat, iradat dan ilmu-Nya dalam ruang lingkup "peraturan yang tetap" yang telah ditetapkan oleh Allah sendiri, itulah "takdir azali". Ini bermakna Allah tidak bersifat "bermahaarajalela" seperti yang dinyatakan oleh Abu Hassan al-Asy'ari⁷⁷ (pengasas mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah). Takdir azali yang dikupas oleh Za'ba selanjutnya selari dengan ajaran al-Quran. Hakikat ini dapat disaksikan menerusi tiga aspek utama:

- Pertama, Allah melaksanakan kehendak-Nya mengikut peraturan-peraturan - undang-undang tabii, undang-undang balasan serta undang-undang petunjuk dan penyesat - yang telah ditetapkan-Nya.
- Kedua, Allah telah menjelaskan "segala amar [suruhan] dan nahi-Nya [larangan] dalam al-Quran".
- Ketiga, Allah mempunyai "sifat-sifat kesempurnaan-Nya" sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan keempat, "tuntutan-tuntutan kemajuan" yang meliputi "dunia dan akhirat".⁷⁸

Jika diperhalusi pemikiran ketakdiran Za'ba setakat ini, jelas pemikir ini mahukan perubahan dan pembaharuan dalam memahami iktikad takdir secara menyeluruh, yakni bukan sahaja dengan menolak fahaman Jabariah malah sesetengah tafsiran Abu Hassan al-Asy'ari. Sementara tafsiran robotik Jabariah mengakibatkan tiga kesan negatif - (1)menafikan kesempurnaan Allah mengenai hukuman dan janji-Nya yang tekal, (2)menafikan adanya sukatan takdir - undang-undang tabii, undang-undang balasan serta undang-undang petunjuk dan penyesat dan (3)menafikan kebebasan berikhtiar dan memilih; ajaran

Abu Hassan al-Asy'ari yang menyifatkan Allah "bermaharajalela" itu pula telah disanggah dengan sinis oleh Za'ba:

"[J]usteru, tiadalah hairan kita melihat raja-raja Islam yang dikatakan bayangan Allah di alam itupun bersifat *mustabid* [bermaharajalela] juga ... tidaklah hairanlah kita melihat dunia Islam beberapa lama dahulu dipenuhi oleh kezaliman dan *istibdad* ... bila mereka suka hendak membunuh, dibunuhnya, dan bila mereka suka hendak kasih kepada seseorang maka dikasihinya, iaitu dengan tiada mengikut sebarang undang-undang peraturan" – kebal dan berdaulat."⁷⁹

Za'ba turut membicarakan sifat kesempurnaan Allah dalam kerangka "undang-undang petunjuk dan penyesat". Ayat-ayat al-Quran menjelaskan segala nikmat, balasan baik dan petunjuk itu mesti "dihubungkan asalnya dengan Allah". Namun, hal-hal yang sebaliknya, tidak wajar "dihubung asalkan dengan Allah". Ajaran ini terpacul menerusi ayat 53, Surah an-Nahl, ayat 100, Surah Yunus dan ayat 43, Surah al-A'raf. Persoalannya ialah apakah sifat kesempurnaan Allah menjadi cacat seandainya Allah tidak memberikan petunjuk kepada "segala orang yang ingkar"? Za'ba berpendapat "tidaklah membawa kekurangan kepada sifat-sifat ketuhanannya" yang sempurna "jika difahamkan perkataan: "Ia memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaknya" itu termasuk [juga] orang yang tiada layak mendapat petunjuknya". Sifat ini sejajar pula dengan "sifat rahmaniah-Nya yang mulia". Bagaimanapun, ini tidak bermakna Allah wajar dikaitkan dengan "perkara menyesatkan" kerana perbuatan seumpamanya itu mencerminkan "sifat-sifat kehinaan" yang bercanggah dengan ayat 46, Surah Ha Mim dan ayat 107, Surah Ali Imran.⁸⁰

Dari segi prinsipnya jelas: Allah hanya layak dikaitkan dengan nikmat dan kebaikan. Sebaliknya, tidak pula "menjadi kekurangan kepada sifat kesempurnaan-Nya" jika rahmat dan kasihan Allah dirangkumkan meliputi "orang yang tiada layak mendapat petunjuknya juga". Hal ini kerana Allah Maha Pemurah dan Maha Pengasih kepada hamba-Nya. Malah, sifat tersebut telah dimestikan oleh Allah pada sifat-Nya sendiri seperti yang dinyatakan dalam ayat 12 dan 54, Surah al-An'am serta ayat 156, Surah al-A'raf.⁸¹ Sesungguhnya, bukan sekadar mengenai golongan yang memperoleh "petunjuk dan kesesatan", bahkan mereka yang akan didaftarkan ke dalam "syurga dan neraka" juga "tidak ditetapkan oleh Allah dari azali lagi". Tidak ada ayat al-Quran yang menyatakan "segala perkara" dalam urusan kehidupan duniawi telah "tersurat di loh mahfuz"

melainkan "terserah kepada tangan dan pilihan ikhtiar manusia sepanjang yang ia dapat berikhtiar".⁸²

Dalam konteks ini, dapatlah difahami terdapatnya perkara terkhas yang tidak dapat diikhtiarkan oleh manusia dan tidak ada pilihan baginya melainkan dengan "berdoa memohon panjang umur, minta jauhkan daripada bala, minta murahkan rezeki yang halal dan sebagainya". Kesemua itu di bawah kekuasaan mutlak Allah dan ilmunya. Sungguhnya, tuntutan berdoa itu sendiri membuktikan tidak ada "nasib yang tersurat di loh mahfuz yang tiada boleh berubah pada segala perkara". Justeru, Za'ba juga meyakini adanya perkara khas tentang hal ehwal kehidupan manusia yang menjadi rahsia Allah yang "bukan dalam kuasa manusia". Sungguhpun demikian, manusia mestilah terus berusaha, termasuklah dengan doa (tetapi bukannya sekadar berdoa semata-mata tanpa berusaha) untuk mengelakkan yang buruk atau memenuhi impiannya yang terpuji. Za'ba tidak membataskan hujahnya di sini, malah mengakui adanya keterbatasan kuasa manusia:

"Tinggal lagi apabila telah habis usaha dan ikhtiar manusia hendak mengelakkannya [keburukan], atau telah habis usaha dan ikhtiar hendak menjadikannya suatu perkara itu [impiannya tetapi] tiada juga jadi [tercapai], maka berlaku atau tiada jadinya itu [pada akhirnya kelak] baharulah boleh dikatakan dengan kehendak dan izin Allah ... mengikut undang-undang takdirnya."⁸³

Petikan di atas memercikkan dua hikmah penting dalam hubungannya dengan pemikiran teologi Islam Za'ba terutamanya tentang keakuratan Za'ba terhadap hakikat kelemahan manusia:

- Pertama, tidak syak lagi bahawa "Allah Taala juga[lah] yang maha kuasa" dan "manusia tiada berkudrat kuasa seperti Allah Taala".
- Kedua, kegagalan manusia dalam mengharungi sesetengah aspek dalam kehidupan duniawinya menunjukkan terdapatnya "usaha dan ikhtiar yang dipakai itu ... tiada betul atau tiada sesuai bagi hasil yang dikehendaki".⁸⁴

Di samping itu, adanya perkara khas yang berlaku dengan "tidak sengaja", bukan dengan "usaha manusia", "bukan dalam perintah manusia" dan tidak dapat dilakukan "dengan sesuka hati manusia". Za'ba sedar hal-hal khas seperti ini berlaku dengan "kehendak dan izin Allah mengikut undang-undang takdirnya". Perkara khas dalam lingkungan tersebut terpatri dalam "sukatan

takdir" yang telah "tersurat di loh mahfuz" serta "terkandung [dalam keluasan] ... ilmu-Nya". Malah, "ada hikmat dan rahmat Allah di sebaliknya". Za'ba menyandarkan hujahnya mengenai "suratan Tuhan" pada ayat 144, Surah Ali-Imran, ayat 11 (penentuan kematian mengikut suratan yang ditentukan Allah), ayat 11, Surah at-Taghabun (berlakunya kemalangan dengan izin Allah), ayat 22, Surah al-Hadid (bencana yang telah "ada [tersurat] di dalam kitab" Allah sebelum terjadinya bencana tersebut) dan ayat 51, Surah al-Baraah (kemalangan yang telah "disuratkan oleh Allah").⁸⁵

Terdapat dua hikmahnya:

- Pertama, sebagai menunjukkan "kebesaran dan kekuasaan Allah" dalam "memegang segala perkara".
- Kedua, membawa ketenteraman kepada manusia kerana apa-apa pun tidak akan berlaku jika Allah tidak mengizinkannya berlaku.⁸⁶

Mengenai kemahaluasan ilmu-Nya, Za'ba mengakui, apa-apa kejadian yang tertimpa ke atas manusia (jika di luar ikhtiar dan pilihan mereka), kesemua kejadian itu Allah telah "sedia maklum" mengenainya. Seterusnya, demi sifat-Nya yang Maha Berkuasa (kudrat) dan Berkehendak (iradat) atas segala makhluk-Nya, kesemuanya ini berlaku lantaran Allah "membenarkannya [mengizinkannya] berlaku", apabila "kena pada jalan dan betul mengikut undang-undang takdirnya".⁸⁷ Di samping itu, terdapat juga "kemalangan" yang berlaku ke atas manusia disebabkan oleh tindakan manusia itu sendiri seperti yang dinyatakan dalam ayat 30, Surah as-Syu'ara. Kemalangan tersebut berlaku akibat "tangannya [manusia] sendiri". Ini merupakan lanjutan adanya "undang-undang [hukum sebab-akibat] yang membawa kepada terjadinya" kemalangan tersebut. Rosaknya kualiti alam sekitar disebabkan oleh projek-projek pembangunan yang tidak mesra alam akibat sikap segelintir manusia yang rakus mengaut keuntungan. Memetik misalan Za'ba, "Jika diusahakan oleh manusia [dengan cara] demikian, maka demikianlah jadinya".⁸⁸

Falsafah Takdir dan Takdir Kemajuan: Reaksi Za'ba Terhadap Kezindikan Iktikad Nasib

Menerusi usaha pentajdidan serta pengislahan tafsiran yang sebenar mengenai iktikad takdir itulah, Za'ba yakin bahawa umat Islam berupaya bangkit semula sebagai umat terbaik yang diutuskan untuk manusia. Umat Islam seluruhnya wajar menghakikatkan kebenaran

bahawa manusia mempunyai kudrat dan iradat yang dikurniakan oleh Allah supaya mereka menggunakannya untuk merajai nasib dan masa depan kehidupannya; bukan nasib yang menentukan kehidupan dan masa depan mereka tanpa Za'ba menolak adanya keterbatasan kudrat dan iradat manusia dalam menjalani kehidupan duniawi. Untuk merealisasikan gagasan pemajuan umat Islam umumnya dan orang Melayu khususnya, tidak ada lagi pilihan yang selainnya, melainkan kembali memahami dan menghayati iktikad takdir yang hakiki menurut ajaran al-Quran.

Umat Islam yang berpegang dengan "iktikad nasib" - menyerahkan kepada Tuhan sepenuhnya apa-apa sahaja yang tertimpa ke atas mereka seperti yang dipelopori oleh mazhab Jabariah, dan seterusnya dianuti oleh golongan ulama Kaum Tua dan orang Melayu umumnya - disanggah dengan tegas oleh Za'ba. Inilah antara punca kemunduran dan kemiskinan manusia bangsa Melayu. Oleh sebab Za'ba memahami malah berpegang dengan iktikad takdir, Za'ba sedar mereka tidak ditakdirkan oleh Tuhan untuk dijajah dan menjadi miskin dalam segala aspek kehidupan duniawi. Kesemuanya ini berpunca daripada kelemahan mereka sendiri. Seterusnya, Za'ba percaya umat Islam berupaya bangkit semula sebagai umat progresif dan saintifik dengan syarat mereka memanfaatkan dua petunjuk - wahyu dan akal, di samping menentang pengaruh iktikad nasib.

Namun malangnya, mereka menganggap kononnya "perkara itu [akal dan ilmu pengetahuan duniawi] tiada berguna pada agama Islam dan tiada ditentukan oleh Al-Quran". Walhal, bangsa Barat yang maju⁸⁹ telah berjaya menerokai "kejayaan yang ajaib" lantaran "sentiasa percaya ada kegunaan pada segala benda-benda kejadian [alam] itu" dan "cukup percaya yang benda-benda kejadian [alam] itu semuanya tidak sia-sia". Persoalannya, mengapakah mereka "tiada mendapat apa-apa faedah" daripada "benda-benda kejadian dalam alam ini"? Jawapan Za'ba ringkas tetapi bernas: "kita tiada ilmu mengenai benda itu" akibat tidak menjalankan penyelidikan terhadap "rahsia-rahsia" kejadiannya seperti yang dituntut oleh al-Quran. Jika ditinjau semula keseluruhan pemikiran Za'ba tentang keberkaitan antara peranan dan kedudukan akal dengan wahyu, jelas Za'ba tidak meletakkan akal lebih tinggi daripada wahyu. Pendirian ini juga selari dengan pegangan Abu Hassan.⁹⁰ Justeru, pemikiran ketakdiran Za'ba, jika diperhalusi, tidaklah pula sekhemah dengan mazhad Muktazilah.⁹¹

Sungguhpun Islam menuntut manusia seluruhnya supaya "mencari kemajuan yang "Mad"" - kemajuan material, tetapi menikmati "kejayaan dan kesenangan dunia semata-mata" sehingga menjadikan manusia "mabuk" dan "tenggelam" serta "jatuh kepada

martabat kehinaan seperti darjat binatang" dengan "perangai yang hina ... jahat dan keji", tidak dianjurkan oleh Islam. Kemajuan sedemikian – "kemajuan yang berat sebelah" akibat mengeneipikan akhirat - disifatkan oleh Za'ba sebagai "tamadun lupakan Tuhan" persis tamadun sekular Barat.⁹²

Terangkum bersamanya ialah: "Orang [si Muslim yang berperangai] suka mencari kesedapan diri, memuaskan hawa nafsu syahwat, mengenyangkan perut dan menyedapkan tekak" dirinya sendiri, termasuklah mereka yang ghairah "berhias dan bersuka-sukaan, dahagakan nama dan kemegahan, lobakan wang dan kekayaan", di samping kuasa-kuasa kolonial Barat yang "tamakkan kuasa dan kerajaan" serta "berebut-rebut hendak memerintah dunia dan memperhambakan bangsa-bangsa yang kecil dan lemah". Natijahnya, "Hanya kebinasaan sajalah padahnya".⁹³ Oleh itu, di sinilah terletaknya kepentingan wahyu (dan akal) "yang datangnya daripada Tuhan yang amat hakim dan alim"⁹⁴ sebagai petunjuk dan pedoman "asas yang asal bagi agama Islam".⁹⁵

Za'ba menegaskan al-Quran "sesungguhnya memberi galakan yang kuat menyuruh manusia berfikir dan menggunakan akal" untuk menyelidiki "kejadian-kejadian dalam alam ini". Rasionalnya jelas, supaya manusia "berikhitar seboleh-bolehnya bagi mengeluarkan faedah daripada[nya]" seperti yang difirmankan dalam ayat 189-190, Surah Ali Imran. Malah, semakin mendalam penyelidikan manusia tentang "kudrat kejadian alam", semakin "kuat keyakinan [keimanan] kita" terhadap Allah.⁹⁶

Jelas bahawa tidak ada pertentangan antara wahyu (al-Quran) dengan akal (ilmu pengetahuan). Malah, iktikad takdir bukanlah penghalang kepada gagasan pemajuan Melayu. Yang menjadi pemuncanya ialah "iktikad nasib" yang dipertaklidkan oleh raja-raja dan pembesar feudal Melayu, serta ulama Kaum Tua yang berfikiran maling dan orang Melayu yang menjadi banduan nasib.

Islam, tegas Za'ba, tidak pula membataskan kemajuan pada aspek kebendaan dan keperangaian (akhlak) sahaja, malah terdapat satu lagi aspek kemajuan yang lebih "atas dan lebih tinggi lagi" iaitu mencapai "makam *rohaniyat*" seperti yang "dicita-citakan oleh ahli-ahli sufi". Takat kemajuan roh ini dapat dicapai oleh manusia sekiranya "perasaan kasih sayang sesama manusia" dapat menyuburkan "perasaan kasih akan Allah" santak – dalam ungkapan puitis sufi: "diri sendiri" itu ditenggelamkan di dalam "diri" Allah" apabila "memperoleh "kefanaan" diri dalam *kainunat* Tuhan yang menjadikannya" sekali gus "memperoleh kesatuan rohaniah dengan Tuhan".⁹⁷ Bagaimanapun, Za'ba mengingatkan, janganlah pula mereka

berzahid menolak dunia kerana tindakan inersia sedemikian ternyata tidak selari dengan gagasan dan tuntutan kemajuan duniawi yang disarankan oleh Islam.

Dengan adanya petunjuk dari Tuhan, Za'ba menyangkal anggapan kononnya kesemua yang baik dan jahat telah ditetapkan sejak azali lagi. Za'ba memakukkan hujah terakhirnya dengan berkata: "jika benar demikian" – anggapan yang karut tersebut, "nescaya tiadalah berguna diberikan manusia segala petunjuk itu lagi".⁹⁸ Di sini, dapatlah difahamkan bahawa wahyu tanpa akal, akan menjumudkan manusia; akal tanpa wahyu, akan menyesatkan malah merosakkan manusia.

Za'ba bukanlah satu-satunya intelektual Muslim yang berusaha mengupas ajaran iktikad takdir berdasarkan nas al-Quran. Usaha sedemikian pernah dilakukan oleh beberapa sarjana Muslim yang sezaman dengannya malah sarjana Muslim mutakhir. Misalnya (sekadar menyebut dua tokoh yang paling tersohor) iaitu Hamka⁹⁹ dan Yusuf al-Qardhawi.¹⁰⁰ Jika dibandingkan, pada prinsipnya mereka sama-sama berhujah dengan berpaksikan nas al-Quran. Akan tetapi, sumbangan pemikiran ketakdiran Za'ba jelas mempunyai beberapa kelebihan yang tersendiri. Pertama, rujukan Za'ba kepada nas al-Quran lebih lengkap dan meluas. Kedua, penjelasan Za'ba mengenainya juga lebih terperinci. Ketiga, kritikan Za'ba terhadap kesan negatif ajaran iktikad nasib yang bercanggah dengan iktikad takdir nyata lebih tuntas.

Kesimpulan

Za'ba benar-benar memahami selok-belok kehidupan beragama masyarakat Melayu yang menyimpang dan tergelincir daripada iktikad takdir hakiki. Za'ba mendedahkan silap faham dan keterpesongan dalam memahami iktikad takdir dengan jelas, tegas dan jujur. Za'ba berharap para pemimpin, ulama dan orang Melayu umumnya mampu menyedari akan ketersilapan mereka. Seterusnya, diharapkan mereka memulakan kehidupan dengan berlunaskan ajaran Islam sejati – maju di dunia dan bahagia di akhirat. Jika diperhalusi, jelas pemahaman Za'ba terhadap iktikad takdir merupakan satu penyimpangan daripada arus pemikiran masyarakat Melayu yang telah terjebak dalam kancah iktikad nasib.

Pada masa yang sama, besar kemungkinan, para ulama Kaum Tua yang meneliti tulisan Za'ba dalam *Falsafah Takdir*, secara diam-diam mengakui kebenaran pentafsiran Za'ba. Lantaran itulah, kita dapati *Falsafah Takdir* tidak diharamkan oleh pihak berkuasa agama

Islam negeri dewasa itu. Namun, tidak pula dapat dipastikan setakat manakah ulama Kaum Tua bergegas mendakwahkan pemikiran ketakdiran Za'ba. Hakikatnya, sehingga ke hari ini, golongan agamawan pasca merdeka masih belum lagi kelihatan bekerja keras untuk memperbetulkan pemahaman sebahagian umat Islam di Malaysia yang masih dipengaruhi oleh iktikad nasib. Persoalannya ialah bagaimana mungkin kita mampu mencapai gagasan kemajuan hakiki, walhal kita sendiri masih belum bebas daripada penjara nasib. Justeru, *Falsafah Takdir* ialah saksi zaman yang merakamkan kemelut iktikad nasib yang memenjarakan pemikiran keagamaan dan kehidupan dunia Melayu.

Nota

- Makalah ini merupakan inti pati kepada manuskrip penulis yang bertajuk, "Pemikiran Za'ba dalam *Falsafah Takdir* (1932)" yang akan diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaysia Sabah (2006) dan pernah dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum, anjuran Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 13-14 Jun 2006, Hotel Hyatt, Johor Bahru.
- ¹ *Utusan Melayu*, 20 Oktober 1919. Dipetik daripada Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 197.
- ² Sekadar menguis beberapa contoh (catatan: gerakan penjajahan oleh kuasa-kuasa Eropah ke Timur bermula sejak awal abad ke-16 lagi yang dipelopori oleh Portugis dan Sepanyol): Tunisia jatuh ke tangan Perancis pada 1881. Mesir ditakluk oleh British pada 1882. Algeria ditundukkan oleh Perancis pada 1847. India dijajah oleh British pada 1858. Empayar Turki terpecah akibat kekalahannya dalam Perang Dunia I di tangan pakatan British-Russia-Perancis. Indonesia pula diisytiharkan sebagai tanah jajahan Belanda pada 1816. Tanah Melayu jatuh ke tangan British seakhir 1919. Iraq pula ditadbir oleh British atas nama Liga Bangsa pada 1920. Iran dikuasai oleh tentera British-Russia pada 1914-1918 dan ditawan tentera British-Amerika-Soviet Union pada 1941-1945. Afghanistan pula diletakkan di bawah kuasa British pada 1838-1842. Syiria ditawan oleh British pada 1920. Untuk perbincangan lanjut, rujuk H.R. Gibb, *Whiter Islam: A Survey of Modern Movement in the Moslem World*, Victori Gollancz Ltd., London, 1932, hlm. 75-99; 99-171; 171-237 dan 313-381. P.M. Holt (ed.), *The Cambridge History of Islam*, Cambridge University Press, London, 1970, hlm. 468-495 dan 566-595.
- ³ George Nadel dan Perry Curtis mentakrifkan imperialisme sebagai "perkembangan kuasa atau kawalan, sama ada secara langsung atau sebaliknya, terhadap aspek politik, ekonomi, oleh sesuatu kerajaan, bangsa atau masyarakat ke atas bangsa atau masyarakat yang lain, dan proses ini didukung oleh idea yang tersendiri". Kolonialisme pula merujuk kepada dasar-dasar imperialis yang dipaksakan di tanah-tanah jajahan (atau koloni) yang terzahir menerusi hakikat penindasan, penghinaan dan eksploitasi terhadap penduduk pribumi yang dijajah oleh imperialis. Pada prinsipnya, semua perkembangan kolonialisme dikaitkan dengan imperialisme, tetapi bukanlah kesemua imperialisme bermakna kolonialisme. George H. Nadel and Perry Curtis, *Imperialism and Colonialism*, MacMillan, New York, 1964, hlm. 1-3. Mengenai pendapat yang sedikit berbeza, lihat D.K. Fieldhouse, *Imperialism, 1870-1945: An Introduction*, MacMillan, London, 1983, hlm. 1. Untuk singkapan bandingan, lihat Cheah Boon Kheng, "Imperialisme dan Kolonialisme: Beberapa Pandangan", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (ed.), *Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-Negara Lain*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1990, hlm. 1-16.

- 4 Sekarang merujuk kepada Indonesia dan Malaysia.
- 5 Kajian tentang kemunduran dan kemiskinan Melayu telah banyak diusahakan. Antara tulisan mutakhir mengenainya (sebagai gambaran umum), lihat Abdul Halim Mahmud, "Orang Melayu Sebelum Merdeka: Satu Tinjauan", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 31-2003, hlm. 45-64.
- 6 Antara punca utamanya ialah dasar dan kegiatan imperialisme Barat (termasuklah British di Tanah Melayu) yang bertunjangkan ideologi kapitalisme kolonial. Untuk perbincangan tuntas, lihat Syed Hussein AlAttas, *Mitos Pribumi Malas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hln. xi-Lii (Pendahuluan).
- 7 Latar belakang Za'ba ditulis berdasarkan kepada dua buah buku yang autoritatif tentang tokoh tersebut – Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu* (1998) serta *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu* 1994.
- 8 Rujukan terhadap ulama yang bertaklid buta dengan tafsiran imam mujtahid dan mazhab-mazhab tertentu yang terasas lebih 1000 tahun yang lampau. Mereka tidak berpemikiran dinamik dan progresif, di samping tidak membawa apa-apa perubahan dan kemajuan kepada orang Melayu. "Kaum Tua" juga bukanlah bermakna mereka golongan tua. Ukurannya ialah dari aspek pemikiran terhadap Islam. Sesetengah sarjana, melabelkan "Kaum Tua" sebagai ulama konservatif atau ortodoks. Lihat (misalnya) Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah dan Aliran*, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh (Universiti Sais Malaysia), Pulau Pinang, 1998, Bab 1- Bab 4. Mengenai pertelingkahan antara "Kaum Tua-Kaum Muda" di Tanah Melayu dalam konteks latar belakang zamannya, lihat (antaranya) Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Bab 2 dan William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, Bab 3.
- 9 Dilahirkan di Scotland pada 1884. Lulusan Universiti Aberdeen pada 1905. Mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam kolonial di Tanah Melayu pada 1906. Memberikan peluang kepada Za'ba memasuki sekolah Inggeris pada 1910. Jawatan terakhirnya ialah Ketua Inspektor Sekolah-sekolah Inggeris Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Berseku. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 41.
- 10 Dilahirkan pada 1869. Putera kedua Sultan Abdullah, Perak. Mendapat pendidikan di High School, Melaka dan Raffles Institution, Singapura. Anggota terkanan dalam Lembaga Pengelola MMKK pada awal 1920-an. Dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Persekutuan pada 1924. Meninggal dunia pada 1933. Ibid.
- 11 Untuk perbincangan lanjut, lihat Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Bab 3.
- 12 Ibid., Bab 1.
- 13 Edisi Melayu kepada *Singapore Free Press* yang diterbitkan dari 7 November 1907-1921, berhuruf Jawi dan Rumi, dan menjadi akhbar harian sejak 1915. Antara pengarangnya yang terkenal ialah Mohd. Eunus Abdullah, pemimpin-pengasas Kesatuan Melayu Singapura.

- A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 7.
- 14 Edisi Melayu kepada *Malaya Tribune*, diterbitkan pada Ogos 1914 hingga Disember 1931, di Singapura. Akhbar harian pertama di Tanah Melayu, berhuruf Jawi. Pernah diketuai oleh Mohd. Eunus Abdullah. Ibid., hlm. 8.
- 15 Lihat kajian mutakhir mengenai gagasan, perjuangan dan pemikiran golongan reformis Islam yang terpancar menerusi majalah *al-Imam* yang diusahakan oleh Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000.
- 16 Diterbitkan oleh Kesatuan Guru Melayu Persekutuan Tanah Melayu, di Seremban pada 1 November 1924. Majalah ini dicetak oleh Al-Rauthah Press. Antara pengarangnya ialah Muhammad Datuk Muda Linggi, Mohd. Yasin Ma'amor dan Hassan Abdul Manan. Sejak 1950, diterbitkan dengan huruf Rumi. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 13-14.
- 17 Diterbitkan di Pulau Pinang pada 16 September 1926 oleh Syed Sheikh Al-Hadi; dicetak dengan huruf jawi, 32 halaman sebagai majalah bulanan. Penerbitannya dihentikan pada Disember 1933. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang", dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 29-68. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 6-22.
- 18 Diasaskan oleh Abdul Latif Hamidi di Pulau Pinang pada 1 November 1929; dicetak oleh Jelutong Press dengan huruf jawi, 24 halaman sebagai akhbar bulanan. Penerbitannya ditamatkan pada Januari 1931. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 17. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 22.
- 19 Diterbitkan pada 1 Jun 1930 oleh Persekutuan Guru Perempuan Melayu Johor. Pengarangnya Zain Sulaiman (Ibu Zain); dicetak dengan huruf jawi. Majalah bulanan ini merupakan majalah wanita Melayu pertama di Tanah Melayu. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 5-17. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 11-21.
- 20 Diasaskan oleh Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi pada 29 September 1928 di Pulau Pinang; diterbitkan setiap Sabtu dengan huruf jawi, empat halaman. Mulai Januari 1930, *Saudara* diterbitkan dua kali seminggu (Rabu dan Khamis). Motonya, "Warta Am, Pelajaran, Pengetahuan, Perkhawaran". Antara pengarang *Saudara* yang terkenal Mohd. Yunus Abdul Hamid, Syed Sheikh Al-Hadi dan Abdul Rahim Kajai. Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 52-59.
- 21 Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 20.
- 22 Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan penentangan, rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994. Bacaan yang lain, lihat (antaranya) Mohamad Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malayan Region 1945-1965*, Penerbit Universiti Malaya, 1965. A.J.

- Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment*, Monograph No. 10, Southeast Asia Studies, 1979. Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Oxford University Press, Singapore, 1991. Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rule And The Struggle For Independent In Malaya 1945-1957*, Institute for Social Analysis (INSAN), Petaling Jaya, 1984. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981. Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961.
- ²³ Onn Ja'afar lahir di Sri Gombak, Johor Bahru pada 3 Februari 1895. Ayahnya, Dato' Ja'afar Haji Muhammad adalah Menteri Besar Johor yang pertama. Onn mendapat pendidikan di Alderburgh Lodge School, London dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pada 1911, Onn berkhidmat sebagai kerani dalam Perkhidmatan Awam Johor. Onn merupakan pengarang *Warta Negara*, *Warta Ahad*, *Lembaga Malaya*, *Lembaga dan Kritik*. Beliau merupakan pemimpin politik yang berpengaruh di Tanah Melayu. Onn pernah memimpin UMNO, Parti Kemerdekaan Malaya dan Parti Negara. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar dan "Dato' Onn Ja'afar 1895-1962"*, dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang, *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 117-155.
- ²⁴ Diterbitkan di Singapura pada Julai 1950, oleh Qalam Press Singapura, berhuruf Jawi sebagai majalah bulanan. Pengarangnya yang terkenal ialah Abdullah Hamid, Abdullah Basmeh dan Syed Jaafar Albar. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 65.
- ²⁵ Diterbitkan pada 1 Jun 1941 di Singapura oleh Yusof Ishak, bagi pihak Utusan Melayu Press, berhuruf Jawi. Antara pengarangnya ialah Abdul Rahim Kajai, Mohd. Dahlan Mas'od, Keris Mas, Asraf dan Usman Awang. *Ibid.*, hlm. 48-49.
- ²⁶ Majalah ini diterbitkan di Kuala Pilah pada 1949 dan diasaskan oleh Abdul Ghani Abdullah; diterbitkan sebagai majalah bulanan yang dicetak dengan huruf jawi, 32 halaman oleh The Malay Press, Kuala Pilah. Isi kandungannya tertumpu kepada aspek kewanitaan. *Ibid.*, hlm. 64.
- ²⁷ *Utusan Melayu* diterbitkan pada 29 Mei 1939 di Singapura oleh Utusan Melayu Pres Ltd., dicetak dengan huruf Jawi. *Utusan Melayu* diasaskan oleh Yusof Ishak. Pengarang pertamanya Abdul Rahim Kajai. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 36. Untuk perbincangan lanjut tentang *Utusan Melayu*, rujuk Arshad Hj. Nawari, "Utusan Melayu yang dipunyai orang Melayu", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 105-32.
- ²⁸ Za'ba, dalam Pendahuluan *Falsafah Takdir* mengatakan "Sepuluh bab yang mula-mula itu". Adakah Hamdan telah merombak bilangan bab asalnya (1932), daripada 10 kepada tujuh bab sahaja. Dalam terbitan terbarunya (1980), hanya terdapat tujuh bab sahaja. Nyatalah bahawa

- Falsafah Takdir* bukannya karya terjemahan meskipun asas penulisan buku ini berpandukan rencana tulisan Dr. Basharat Ahmad.
- 29 Sila lihat susunan dan tajuk bab-bab yang disebutkan di atas.
- 30 Za'ba, *Falsafah Takdir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 29. Buku ini disunting semula oleh Hamdan Hassan.
- 31 *Ibid.*, hlm. 26-27.
- 32 Hassan Ahmad, "Pengantar", dalam *ibid.*, hlm. v.
- 33 Hamdan Hassan, "Pengenalan" dalam Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 1.
- 34 *Ibid.* (kulit luar belakang).
- 35 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 68.
- 36 Menurut Fazlur Rahman, taklid ialah "unquestioning acceptance of authority". Lihat bukunya, *Islamic Methodology in History*, Central Institute of Islamic Research, Karachi, 1965, hlm 152. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 91.
- 37 Jihad bererti berusaha dengan bersungguh-sungguh; perjuangan dengan lisan, tulisan, nyawa dan harta benda serta senjata. Untuk pelbagai definisi lanjut jihad, lihat (misalnya) Amat Juhari Moin, *Jihad Dan Pengertiannya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, Bab 2 dan Bab 3.
- 38 Al-Syawkani mentakrifkan ijthid sebagai mencurahkan segala kemampuan untuk mendapatkan hukum syarak yang bersifat praktikal dengan cara istinbat (mengambil kesimpulan hukum). Untuk perbincangan lanjut, lihat (misalnya) Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali, "Konsep Ijthid Dan Hubungannya Dengan Konsep Khatam Al-Nabiyyin", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 163-173.
- 39 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 30-32.
- 40 Pengertian asasnya ialah *kalamullah* yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad (S.A.W.) yang merupakan mukjizat dan membacanya beroleh ibadat; diturunkan dengan perantaraan malaikat Jibril dalam bahasa Arab. Untuk butiran lanjut, lihat (misalnya) Rozali Adam, *Al-Quran: Di Antara Tafsir Dan Israiliyat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, Bab 1. Untuk perbincangan lanjut, lihat Mohammad Khalifa, *Al-Quran Dan Orientalisme*, Bab XIII.
- 41 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 30-32.
- 42 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 30-31.
- 43 *Ibid.*, hlm. 32.
- 44 *Ibid.*, hlm. 31.
- 45 Lihat tajuk Bab Pertama (Iktikad Nasib Dengan Iktikad Takdir), *ibid.*, hlm. 30.
- 46 Pada asalnya, fahaman ini mendakyahkan kononnya kejadian (baik atau buruk) yang tertimpa ke atas manusia kesemuanya telah ditakdirkan oleh Allah, bukan akibat pilihan dan tindakan manusia itu sendiri. Fahaman ini diperalatkan oleh Muawiyah Abu Suffian (pengasas Kerajaan Bani Umayyah) untuk "membenarkan" tindakan beliau membunuh para penentang pemerintahannya. Ini bermakna tindakan kekerasan dan kekejaman yang dilaksanakannya, bukanlah

pilihan dan kehendaknya, tetapi atas kudrah dan iradat Allah. Menerusi fahaman sedemikian, Muawiyah dapat melepaskan dirinya daripada dipertanggungjawabkan terhadap kekerasan yang digunakannya untuk menghapuskan musuh-musuh politik beliau. Lantaran itulah, Hassan al-Basri, yang hidup pada zaman itu menyelar Muawiyah dan pendokong fahaman yang sesat itu dengan berkata: "Musuh-musuh Allah itu adalah dusta!". Mohd. Sulaiman Yasin, *Pengantar Falsafah Islam*, hlm. 112-113. Seterusnya, berkembanglah premis asas Jabariah: Apa-apa sahaja yang dilakukan manusia, kesemuanya kerana terpaksa, bukan dengan kehendaknya sendiri – di luar pilihan dan ikhtiar manusia; kesemuanya telah ditakdirkan Allah – baik atau buruk, sesat atau benar. Pemimpin-pengasasnya ialah Al-Ja'd Dirhan dan Jahm Safuan. Mazhab Jabariah direstui oleh khalifah-khalifah Bani Umaiyah demi memperkukuh kuasa politiknya. Untuk butiran lanjut, lihat (misalnya) Mohd. Yusuf Ahmad, *Perkembangan Mazhab-Mazhab Ilmu Kalam Dalam Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 83-88. Apabila menyedari fahaman Jabariah diperalatkan sebagai senjata politik untuk menegakkan kekuasaan Kerajaan Bani Umaiyah, muncul pula golongan yang menentang faham tersebut dengan mengambil pendekatan yang ekstrim – Qadariah. Mazhab ini diasaskan oleh Ma'bad al-Juhani, di Basrah. Sebagai reaksinya terhadap mazhab Jabariah dan kuasa politik yang mendukung mazhab tersebut, Ma'bad terperangkap dengan emosinya lantas menafikan takdir Allah sama sekali. Tujuannya murni iaitu untuk menentang kezaliman Kerajaan Bani Umaiyah terutamanya Muawiyah dan anaknya, Yazid, tetapi tafsirannya terkeluar daripada landasan Islam pula. Berbekalkan semangat penentangannya yang membara terhadap kezaliman Kerajaan Bani Umaiyah, Ma'bad telah bergabung tenaga dengan Abdul Rahman al-Asy'ath dalam gerakan menentang Kerajaan Bani Umaiyah. Ma'bad mati dalam tawanan pada 80 Hijrah. Mohd. Sulaiman Yasin, *Pengantar Falsafah Islam*, hlm. 113-115.

⁴⁷ Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 67.

⁴⁸ Ibid., hlm. 66-75.

⁴⁹ Ibid., hlm. 74.

⁵⁰ Ibid., hlm. 31-32.

⁵¹ Ibid.

⁵² Ibid., hlm. 118.

⁵³ Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah (S.A.W.) sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sikap (dan sifat) meliputi zaman sebelum dan sesudah kerasulan baginda. Untuk perbincangan lanjut, lihat Mohd. Muhiden Abd. Rahman, "Al-Hadith: Kedudukan dan perannya dalam Islam", dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 4, Mei 1996, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. A. Monir Yaacob, *Sejarah Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, Bab 4. Abu Husny, *Pembinaan Perundangan Hukum Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1987, hlm. 54-79.

- 54 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 28. Contohnya, hadis sahih yang diriwayatkan dalam *Sahih Muslim* (Jilid II, Kaherah, 1960, hlm. 45): "Sesungguhnya Allah telah menjadikan bagi Syurga itu penghuninya. Dia menjadikan mereka untuknya (Syurga) semenjak mereka berada di tulang sulbi bapa-bapa mereka lagi. Begitu juga Dia menjadikan bagi Neraka itu penghuninya. Dia menjadikan mereka semenjak mereka berada di tulang sulbi bapa-bapa mereka lagi". Hadis ini menunjukkan dengan jelas keimanan dan kekufuran telah ditetapkan oleh Allah sejak azali lagi, dan matannya bercanggah dengan ayat al-Quran: "Dan katakanlah [wahai Muhammad]: Kebenaran itu datangnya dari tuhanmu; maka barang siapa yang ingin (beriman) hendaklah ia beriman, dan barang siapa yang ingin (kafir) biarlah dia kafir". Surah al-Kahfi: Ayat 29. Dipetik daripada Ahmad Lutpi, *Antologi Pemikiran Islam*, hlm. 122-123. Haron Din, *Manusia Dan Islam*, Jilid I, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, Bab XI.
- 55 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 32.
- 56 Ibid., hlm. 29.
- 57 Ibid., hlm. 30-32.
- 58 Frasa "pesawat jentera" merujuk pada ratusan bintang, planet-planet (termasuk bumi dan segala isinya), bulan, matahari, awan, angin dan langit yang terdapat dalam alam semesta ciptaan Allah.
- 59 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 32. Hamdan juga memetik petikan di atas, tetapi dia tidak menjelaskan maksudnya. Lihat ibid., hlm. 25.
- 60 Konsep *qada'* dan *qadar* - ketentuan dan ketetapan daripada Allah, berkait rapat dengan kudrat, iradat, ilmu dan rahmat Allah. Umumnya dikatakan sesuatu yang dikehendaki oleh Allah akan pasti terjadi atau diperoleh. Sekiranya seseorang menginginkan sesuatu dan berusaha mencapainya, tetapi gagal mendapatkannya, inilah yang dikatakan sebagai takdir - *qada'* dan *qadar* daripada Allah yang mempunyai hikmahnya tersendiri. Sebagai seorang Muslim, kita harus bersabar dan reda menerima takdir Allah. Untuk penjelasan asas, lihat Abu Bazli Abdul Kadir, *Aqidah Dan Keimanan*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 125-139. Mohammad Khalifa, *Al-Quran Dan Orientalisme*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, Bab XIII. Buku ini diterjemahkan oleh Zakaria Stapa dan Mohamad Asin Dollah. Tajuk asalnya *The Sublime Qur'an and Orientalism*.
- 61 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 28.
- 62 Ibid., hlm. 35-36.
- 63 Ibid., hlm. 36-37.
- 64 Ibid., hlm. 37-39.
- 65 Ibid., hlm. 40-44.
- 66 Ibid., hlm. 44-45.
- 67 Ibid., hlm. 46-47.
- 68 Ibid., hlm. 40-52.
- 69 Ibid., hlm. 42-49.
- 70 Ibid., hlm. 41-53.

- 71 Ibid., hlm. 53.
- 72 Ibid., hlm. 53.
- 73 Ibid., hlm. 53-54.
- 74 Untuk perbincangan lanjut mengenai kedudukan dan kepentingan wahyu-akal, lihat (misalnya) Yusuf Al-Qardhawi, *Permasalahan Umat Islam Masa Kini*, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 1998, Bab 3. Mohd. Sulaiman Haji Yassim, *Pengantar Falsafah Islam*, Bab 3.
- 75 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 53-55.
- 76 Ibid., hlm. 55.
- 77 Nama sebenarnya Abu Hassan Ali bin Ismail. Beliau lahir di Basrah, Irak pada 260 Hijrah dan meninggal dunia pada 324 Hijrah. Salsilahnya sampai kepada Abu Musa al-Asy'ari (sahabat Rasulullah s.a.w.). Pernah berguru dengan ulama muktabar mazhab Muktazilah iaitu Syeikh Abu Ali Muhammad al-Jabai. Bersama-sama dengan Abu Mansur al-Maturidi membina mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah. Pemikiran al-Asy'ari mengenai aspek teologi Islam pada asasnya merupakan reaksi langsung terhadap mazhab Jabariah, Qadariah, Mujasimah dan Muktazilah. Untuk butiran asas mengenai al-Asy'ari dan mazhabnya, lihat (misalnya) Mohd. Yusuf Ahmad, *Perkembangan Mazhab-Mazhab Ilmu Kalam Dalam Islam*, hlm. 13-29.
- 78 Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 110.
- 79 Ibid., hlm. 111.
- 80 Ibid., hlm. 111-113.
- 81 Ibid.
- 82 Ibid., hlm. 113.
- 83 Ibid., hlm. 114.
- 84 Ibid., hlm. 114.
- 85 Ibid., hlm. 113-116.
- 86 Ibid., hlm. 115-116.
- 87 Ibid., hlm. 116.
- 88 Ibid., hlm. 117.
- 89 Perkembangan ini berlaku terutamanya pada Zaman Revolusi Sains pada abad ke-16 dan 17 Masehi. Untuk latar belakang zaman dan tokohnya, lihat Sivachandralingam Sundara Raja, *Tamadun Eropah*, Fajar Bakti, Shah Alam, 1998, Bab Bab 12. Stephen F. Marson, *Sejarah Ilmu Sains*, terjemahan Rusli Abdul Ghani. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, Bab 16-24. Charles Singer, *Sejarah Ringkas Idea Saintifik Sehingga 1990*, diterjemahkan oleh Khidmat Terjemahan Nusantara Sd. Bhd. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, Bab Bab VI-VIII.
- 90 Menurut tokoh pengasas mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah itu, kemampuan akal manusia ada batasannya, dan terdapat beberapa perkara seperti rahsia, hikmah dan ilmu-Nya yang tidak dapat dijelaskan dan difahami dengan menggunakan akal semata-mata. Hakikat inilah yang menyebabkannya keluar daripada mazhab Muktazilah yang mengagungkan akal. Untuk perbincangan lanjut, lihat Abdul Shukor Husin, "Asyaari dan Manhajnya", dlm. Ibrahim Abu Bakar

(ed.), *Spektrum Falsafah Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 34-47.

⁹¹ Sebagai menilai semula pendapat Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pusaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh, 1998, hlm. 165.

⁹² Untuk perbincangan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan dalam konteks kemajuan Barat, lihat kritikan Abul Hasan Ali Al-Hasany An-Nadwy, *Kerugian Dunia Karena Kemunduran Umat Islam*, Pustaka Nasional, Singapura, 1984, Bab IV dan Bab V. Ghazali Darusalam, *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat: Ancaman Postmodernisme Terhadap Umat Islam*, Utusan Publications dan Distributors, Kuala Lumpur, 1998. Sulaiman Noordin (ed.), *Islam dan Ideologi Masa Kini*, Pusat Pengajian Umum (UKM), Bangi, 1999, Bab 18-21.

⁹³ Za'ba, *Falsafah Takdir*, hlm. 53-58.

⁹⁴ Ibid., hlm. 55-58.

⁹⁵ Ibid., hlm. 53-28.

⁹⁶ Ibid., hlm. 53-58.

⁹⁷ Ibid., hlm. 63-65.

⁹⁸ Ibid., hlm. 63-65.

⁹⁹ Lihat bukunya, *Pelajaran Agama Islam*, Pustaka Dini, Shah Alam, 2004, Bab VIII. Buku ini diterbitkan buat pertama kalinya pada 1956. "Hamka" ialah singkatan khas bagi nama sebenarnya iaitu Haji Abdul Malik Karim Abdullah. Lahir di Sungai Batang Maninjau, Sumatera Barat, Indonesia pada 17 Februari 1908. Ayahnya merupakan antara pelopor gerakan reformisme Islam di Indonesia yang terkemuka. Hamka meneruskan gerakan dan gagasan ayahnya. Minat dan bakatnya menulis mula terserlah sekitar akhir 1920-an. Di samping pernah memimpin beberapa majalah reformisme Islam (dengan terhasilnya ratusan rencana), Hamka juga minat dengan penulisan kreatif (sastera) serta menulis 118 buah buku (termasuk *Tafsir Al-Azhar*, Jilid 1-30) sejak 1925-1981. Beliau mendapat jolokan 'Hamzah Fansuri Zaman Baru'. Sumbangannya yang besar terhadap perkembangan dan dakwah Islam mendorong Universiti Al-Azhar (Mesir) menganugerahkan gelaran tertinggi buat julung kalinya dalam ranah kesarjanaan Islam iaitu Ustaziyah Fakhriyah (Doktor Kehormat). Lantaran peranan dan pengaruhnya yang dicemburui oleh regim Sukarno, Hamka dipenjarakan pada 1964-1969. Butiran lanjut, lihat Hamka, *Tasauf Moderen*, Pustaka Nasional, Singapura, 2003, hlm. 9-11. H. Rusydi Hamka, *Hamka: Pujangga Islam Kebangsaan Rumpun Melayu*, Pustaka Dini, Shah Alam, 2002, hlm. 383-389.

¹⁰⁰ Lihat bukunya, *Kemanisan Iman* (terjemahan Mahmud Ahmad), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 2000, Bab 9. Tajuk asalnya ialah *Iman dan Kehidupan* (dalam bahasa Arab). Beliau merupakan sarjana Islam antara yang paling terkemuka dan tersohor pada abad ke-21 - selepas zaman kegemilangan Za'ba dan Hamka. Pelbagai karyanya telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu seperti (sekadar menyebut beberapa contoh) *Pasang Surut Gerakan Islam* (1987).

Membangun Ummah (1996), Permasalahan Umat Islam Masa Kini (1998), Baitul Maqdis (1999), Fiqh Daulah dalam Perspektif Al-Quran dan Sunnah (1999) dan Taubat Untuk Allah (2001).